



**PERUTUSAN PENGERUSI**  
**(MESYUARAT JKTNg Bil. 1/2015 PADA 30 JUN 2015)**

---

Assalamualaikum warahmatullah hi wabarakatuh dan Salam 1  
Malaysia.

YB Dato' Sri-Dato' Sri Exco Kerajaan Pahang, YB Setiausaha Kerajaan, YB Pegawai Kewangan Negeri, YB Penasihat Undang-undang Negeri Pahang, Ketua-ketua Jabatan, YH Dato'-Dato', Tuan Puan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al Mubaraq 1436 Hijrah. Semoga keberkatan bulan mulia ini, menyuntik lebih semangat untuk kita terus mengharungi kelangsungan hidup dan serta menginsafi kesusahan umat Islam dalam Negara-negara Islam yang sedang bergolak.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan beberapa perkara iaitu:

1. **PERGERAKAN DAN PERSARAAN KETUA-KETUA JABATAN**

a. Saya mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan pergerakan Ketua-Ketua Jabatan di Jabatan-Jabatan Negeri dan Persekutuan di dalam Negeri Pahang sebagaimana berikut :

i. Encik Razihan bin Adzharuddin, sebagai Pegawai Daerah Bera.

b. Manakala Ketua-ketua Jabatan yang telah bersara ialah:

i. Yang Hormat Dato' Shamsuddin bin Mohd Said, mantan Pegawai Daerah Bera;

ii. Yang Hormat Dato' Shamsiah binti Hussin, mantan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang;

iii. Yang Hormat Dato', Haji Tarif bin Haji Abdul Rahman, mantan Pegawai Daerah Temerloh;

iv. Yang Hormat Dato', Norhayad binti Ahmad, mantan Pegawai Daerah Kuantan.

## **2. ANUGERAH DARJAH KEBESARAN PAHANG**

a. Saya juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada penerima-penerima Anugerah Darjah Kebesaran Pahang **Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Di Mulia - Peringkat Pertama, Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP)** yang membawa gelaran Dato' Sri iaitu:

1. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsuddin, ADUN Lancang;
2. Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abdul Razak, ADUN Benta;
3. Yang Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail, ADUN Benta
4. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab Moin; ADUN Dong;
5. Yang Hormat Senior DCP Dato' Sri Sharifuddin bin Ab. Ghani; Ketua Polis Pahang.

b. **Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Di Mulia- Peringkat Kedua, Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP)** yang membawa gelaran Dato' iaitu:

1. Yang Hormat Dato' Haji Mohamad Roslan bin Harun, Pegawai Kemajuan Negeri Pahang;
2. Yang Hormat Dato' Haji Mohamad Noor bin Abdul Rani, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang;
3. Yang Hormat Dato' Toantowee bin Mohd Loffie, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, dan
4. Yang Hormat Dato' Rosdi bin Ismail, Pengarah Pendidikan Pahang.
5. Yang Berbahagia Laksamana Muda Dato' Azhari bin Abd Rashid, Panglima Wilayah Laut 1;

**c. Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia-Peringkat Kedua, Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) iaitu:**

1. Yang Hormat Brigedier Jeneral Dato' Ahmad Tajuddin bin Abdul Ghani; Panglima 4 Briged (Mekanize);
2. Yang Hormat Dato' Haji Mohd Sabri bin Abdullah, Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Pahang.

### **3. RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMK-11) 2016-2020**

- a. RMK-11, merupakan Rancangan Malaysia terakhir sebelum tahun 2020. Sehubungan itu, usaha-usaha perlu dilipatganda bagi memastikan hasrat Negara untuk menjadi Negara Maju menjelang 2020, tercapai.
- b. Bertunjangkan falsafah Dasar Transformasi Nasional, mengimbas kembali antara pencapaian yang boleh dibanggakan sepanjang sepuluh Rancangan Malaysia yang lalu ialah, peningkatan nilai KDNK iaitu daripada RM71.1 bilion dalam tahun 1971, kepada RM1.1 trilion pada tahun 2014. Ini menjadikan Malaysia mencatatkan pertumbuhan antara yang tertinggi di Asia dengan purata 6.2% setahun sejak lima dekad yang lalu.
- c. Daripada sudut ekonomi pula, kita telah beralih daripada sebuah negara dominan pertanian (31.8% tahun 1971) kepada sebuah negara berasaskan pembuatan dan perkhidmatan dengan sumbangan pada kadar 76.5% kepada KDNK negara.
- d. Manakala kadar pengangguran juga turut menurun daripada 7.4% pada tahun 1970 kepada hanya 2.9% pada 2014. Kadar kemiskinan juga telah berkurang daripada 49.3% pada tahun 1970, kepada 0.6% pada 2014.